


EMILIO (dua dari kiri) dan Syed Azman bertukar dokumen selepas menandatangani MoU sambil diperhatikan Mustapa dan Vincenzo (kiri).

## Sokong kontrak sulung

### Weststar beli lapan unit helikopter AgustaWestland, dua unit Eurocopter



Oleh Badrila Jamlus, Hairulazim Mahmud, Muhammad Saufi Hassan dan Hamzah Osman  
bisnes@hmetro.com.my  
**Langkawi**

**W**eststar Aviation Services Sdn Bhd (Weststar), syarikat sokongan penerbangan pesisir pantai terbesar di Asia Tenggara membeli lapan unit helikopter AgustaWestland dan dua unit Eurocopter bernilai RM710 juta, bagi menyokong penyertaan sulungnya di luar rantau ini.

Pembelian itu membabitkan enam unit helikopter model AW139 dan dua unit model AW189 buatan AgustaWestland bernilai RM550 juta manakala dua unit Eurocopter EC225 bernilai RM160 juta.

Pengarah Urusan Kumpulan Weststar Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim berkata, helikopter AW139 dan EC225 akan digunakan bagi menyokong kontrak antarabangsa pertama diperoleh Weststar daripada Tullow Oil plc awal tahun ini berkaitan penerokaan mereka di Mauritania.

"Ini kontrak pertama syarikat di luar Malaysia dan kami ketika ini penyedia perkhidmatan penerbangan pesisir pantai terbesar di Asia Tenggara dengan jumlah kontrak RM6 bilion," ka-



OLIVIER (dua dari kiri) dan Muhammad Ismail menandatangani MoU sambil disaksikan Ahmad Zahid (berdiri kanan), semalam.

tanya pada majlis pemeteraian kontrak pembelian helikopter itu di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di sini, semalam.

Pada majlis itu, Weststar diwakili Syed Azman manakala AgustaWestland oleh

Naib Presiden Kanan Perniagaan Komersialnya Emilio Dalmasso dan disaksikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Pengarah Urusan AgustaWestland Malaysia Sdn Bhd